

LAPORAN PENYELIDIKAN KOD : UPU (1) /J/2001

DAKWAH KEPADA MASYARAKAT CINA :
Kajian Perbandingan Antara Darul Fitrah di Malaysia, Darul Arqam
di Singapura, dan Yayasan Ukhuwah Islamiah di Indonesia

0000019128

Perpustakaan KUIM



1000012850

Penyelidik

Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah (ketua)
Prof.Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo
Dr. Muhammad Yusuf Khalid

Perpustakaan
Kolej Universiti Islam Malaysia

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
KUALA LUMPUR
OKTOBER 2002

GIFT / DONATION SUMBANGAN IKHLAS WITH BEST COMPLIMENTS	
FROM	Unit Pentadbiran Penyelidikan & Sidang
DATE	05.10.2003
ACC. NO	0000019128

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	vi-viii
BAB I: PENDAHULUAN	1
BAB II: METODOLOGI	12
BAB III: DAPATAN KAJIAN	16
A. DARUL FITRAH (MALAYSIA)	16 - 28
1.1. Latar Belakang Penubuhan	
1.2. Pengurusan dan Organisasi	
1.3. Aktiviti dan Kerja Dakwah	
1.4. Metodologi dan Pendekatan	
B. DARUL ARQAM (SINGAPURA)	29 - 41
2.1. Latar Belakang Penubuhan	
2.2. Pengurusan dan Organisasi	
2.3. Aktiviti dan Kerja Dakwah	
2.4. Metodologi dan Pendekatan	
C. YAYASAN HAJI KARIM OEI [INDONESIA]	42 - 60
3.1. Latar Belakang Penubuhan	
3.2. Pengurusan dan Organisasi	
3.3. Aktiviti dan Kerja Dakwah	
3.4. Metodologi dan Pendekatan	
BAB IV: PERBINCANGAN	61 - 76

- 4.1. Pengurusan dan Organisasi
- 4.2. Metodologi dan Pendekatan
- 4.3. Program Kerja Dakwah
- 4.4. Objektif
- 4.5. Perancangan masa depan
- 4.6. Pencapaian

BAB V: RUMUSAN DAN SARANAN

77 - 79

BIBLIOGRAFI

80 - 81

LAMPIRAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, kami memanjatkan puji dan syukur kepada Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan pertolongan-Nya serta menganugerahkan kesihatan, kekuatan dan keazaman kepada kami sehingga berjaya menyiapkan Projek Penyelidikan Kod: UPU (1) /J/2001 ini.

Kami mengambil kesempatan ini mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan dan bantuan dalam apa jua bentuk bagi menjayakan projek penyelidikan ini. Penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang telah menanggung seluruh kos penyelidikan ini. Terima kasih khas ditujukan kepada Rektor KUIM, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin dan Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan), Prof. Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin yang telah memberi dorongan dan sokongan kuat kepada kami untuk menjayakan projek ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Bendahari, Pendaftar dan seluruh kakitangan KUIM yang turut memberi sumbangan dalam apa jua bentuk sekalipun.

Ucapan terima kasih kami tujukan juga kepada semua individu di Darul Fitrah (Malaysia), Darul Arqam (Singapura) dan Yayasan Ukhuwwah Islamiyyah Haji Karim Oei (Indonesia) kerana memberi kerjasama dan bantuan yang sangat baik kepada kami sepanjang penyelidikan ini berjalan.

Akhirnya kami ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang turut memberi sumbangan dalam menjayakan projek ini tetapi nama mereka tidak dapat disebutkan semuanya di sini. Insya-Allah kerjasama dan bantuan yang diberikan akan dibalas dengan ganjaran sewajarnya oleh Allah SWT.

SINOPSIS

Penyelidikan ini mengkaji tiga organisasi dakwah di tiga buah negara iaitu Darul Fitrah Malaysia, Darul Arqam Singapura dan Yayasan Karim Oei Indonesia. Aktiviti dakwah organisasi tersebut berkaitan secara langsung dengan dakwah kepada masyarakat Cina sebagai prioriti sasaran dahwahnya. Kajian ini menggunakan Kaedah Pengumpulan Data dan Kaedah Analisis Perbandingan. Dalam pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan kaedah Kajian Perpustakaan dan Kajian Lapangan. Menerusi Kajian Lapangan, pengkaji telah menggunakan teknik temu bual dan observasi. Data yang diperolehi menerusi teknik tersebut dianalisis dengan melakukan perbandingan antara ketiga-tiga buah organisasi berkenaan. Kajian mendapati bahawa setiap organisasi mempunyai keunikan tersendiri dalam menentukan metodologi dan pendekatan dakwah yang dijalankan. Darul Fitrah Malaysia mengambil pendekatan dengan menonjolkan aktiviti yang bersifat kunjungan silaturrahim dan lawatan ke negara minoriti Islam. Tujuannya untuk melihat sejauh mana kaum minoriti Muslim menjalankan amalan syariah dan melakukan aktiviti dakwah kepada masyarakat yang berjiran. Darul Arqam Singapura berusaha mempersembahkan sistem dan model pendidikan yang moden bagi memperkenalkan nilai-nilai Islam mengikut pendekatan dakwah pendidikan. Adapun Yayasan Kariem Oei di Indonesia cuba memperkenalkan Islam melalui budaya Cina yang tidak bertentangan dengan Islam. Dengan menjadikan masjid Lautze sebagai pusat kegiatan dan informasi, maka masyarakat Cina sekitarnya, walaupun belum masuk Islam, tetapi mereka telah mengenali pelbagai amalan Islam melalui aktiviti masjid Lautze tersebut. Dengan menggunakan pendekatan dakwah yang berbeza, ketiga-tiga organisasi didapati telah berjaya menarik minat ribuan orang Cina menganut agama Islam.

SYNOPSIS

This research focuses on three da'wah organizations in three different countries namely Darul Fitrah in Malaysia, Darul Arqam in Singapore and Yayasan Karim Oei in Indonesia. These three organizations focus their activities on the Chinese ethnic groups. The methodology of this research is through collecting data and comparative analysis. In order to collect data, the researchers used library research and field-work research. In the field research, interviews and observation techniques were used. Data from the three organizations was analyzed. It is found that each organization has its own methodology in carrying out da'wah activities. Darul Fitrah believes that home visits to states where Muslims are minority is the best methodology of da'wah. The visit will help *da'i* to understand the everyday life of Muslim minorities and eventually will be able to help them improve their understanding and practice of Islam. Darul Arqam in Singapore introduces Islamic values through modern educational approach. Education is found to be the most effective methodology of da'wah. As for Yayasan Karim Oei, it attempts to introduce Islam through Chinese cultural practices. Laotze Mosque in Jakarta has become a center for activities and information of the Chinese Muslims in the area. Although the methodology of da'wah differs from one organization to another, these organizations are able to attract thousands of ethnic Chinese to convert to Islam.

الدعوة إلى المجتمع الصيني : دراسة مقارنة بين دار الفطرة بماليزيا

ودار الأرقم بسنغافورا ومؤسسة الأخوة الإسلامية بجاكرتا

قد استوعب البحث ثلاثا من المؤسسات الدعوية في الدول المجاورة الثلاث وهي : دار الفطرة بماليزيا ودار الأرقم بسنغافورا ومؤسسة الأخوة الإسلامية (كريم أوى) بإندونيسيا . من أولويات دعوتها قامت على مباشرة الدعوة إلى المجتمع الصيني كمدعو أساسي . وقد تمت الدراسة باستخدام المنهج العلمي بطريقتين هما : جمع المعلومات ودراسة تحليلية مقارنة ، ففى جمع المعلومات استخدم الباحث الدراسة المكتبية والدراسة الميدانية وذلك عن طريق المقابلة الشخصية والملاحظة العلمية ، قام الباحث بتحليل جميع المواد والمعلومات العلمية ومقارنتها بين هذه المؤسسات الدعوية الثلاث . ومن نتائج الدراسة أن لكل هذه المؤسسات ملامح ومزايا خاصة فى تحديد وتطبيق منهاج وأسلوب الدعوة . فدار الفطرة بماليزيا تقوم بالتطبيقات الدعوية عن طريق الزيارات لتقوية صلة الرحم والسياحات إلى الدول الأقليات من المسلمين ، والهدف من هذا الأسلوب التتبع والملاحظة على عملية وتطبيق شرائعهم الدينية وتقريرهم إلى الدول الإسلامية المجاورة . أما دار الأرقم بسنغافورا فقد استطاعت تقديم النظم والهياكل التربوية المتطورة فى التعريف على التعاليم والقيم الإسلامية عن طريق الدعوة التربوية . وكذلك مؤسسة كريم أوى بإندونيسيا فقد حاولت تقديم وتعريف الدين الإسلامى عن طريق الثقافة والحضارة الصينية التى لها صلة مع الإسلام وليس لها تعارض مع الحضارة الإسلامية ، وقد جعلت المؤسسة " المسجد لاوزى " مركزا لحركتها الدعوية والمعلوماتية حتى يتيسر المجتمع الصينى حوله للاتصال به ولو لم يكن على دين الإسلام ، والهدف هنا التعريف على التعاليم والقيم الإسلامية عن طريق برامج وأعمال المسجد لاوزى المذكور . وبموجب هذه الأساليب والمناهج الدعوية المختلفة نالت المؤسسات الدعوية الثلاث نوعا من النجاح فى التعريف على الإسلام وجذب قلوب الآلاف من الصينيين لهداية الإسلام .

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Masyarakat Cina adalah masyarakat imigran (muhajir) yang cukup masyhur di rantau Nusantara. Mereka telah membentuk satu komuniti yang cukup signifikan dan memiliki keunikan dan kekuatan tersendiri di tengah-tengah masyarakat Melayu yang merupakan kaum bumiputra di kawasan Nusantara ini.

Penguasaan ekonomi oleh masyarakat Cina di kawasan ini, khususnya di Malaysia, adalah amat ketara. Melihat kepada fenomena yang ada sekarang, agak sukar bagi masyarakat bumiputra (Melayu) untuk bersaing dengan mereka. Kebanyakan bidang seperti bidang pendidikan, perniagaan, perdagangan, perkilangan dan penguasaan punca-punca ekonomi lainnya agak sukar ditandingi oleh masyarakat bumiputra dalam masa singkat, walaupun kaum bumiputra disediakan beberapa “kelebihan dan kesitimewaan” oleh pihak pemerintah.

Walaupun pertembungan budaya Melayu dan Cina tidak terlalu membimbangkan, akibat daripada budaya Melayu yang berteraskan Islam masih lagi mampu berkembang, namun dalam era globalisasi ini hal tersebut masih perlu diberi perhatian yang lebih serius. Memandangkan unsur dan pengaruh globalisasi lebih membuka persaingan yang cukup hebat, termasuk pertembungan budaya, adat

resam dan kepercayaan agama, maka unsur dan pengaruh tersebut perlu dicermati dengan sebaik-baiknya.

Proses Islamisasi kaum Cina melalui kegiatan politik adalah sesuatu yang sukar dilaksanakan. Konsep-konsep lain seperti perpaduan, integrasi dan asimilasi, seperti yang pernah dicuba di Malaysia dan Indonesia adalah agak sukar untuk dicapai. Begitu juga dengan beberapa dasar nasional yang pernah dirumuskan oleh pemerintah Malaysia seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Sosial Negara dan Dasar Pendidikan Nasional, belum boleh menjadi faktor unggul ke arah Islamisasi golongan Cina di Malaysia. Ini kerana masyarakat Cina mungkin memiliki keunikan tersendiri dalam penghayatan budaya, agama dan kepercayaan dalam kehidupan seharian mereka. Akibatnya kita lihat bahawa yang memperoleh hidayah dan bersedia untuk memeluk Islam adalah amat kecil bilangannya berbanding dengan mereka yang melakukan konversi kepada agama lain.

Kedudukan masyarakat Cina sebagai golongan minoriti di Malaysia dan Indonesia tidak mendorong mereka untuk menyalin kepercayaan agama golongan majoriti. Sedangkan secara praktisnya amalan golongan majoriti boleh dilihat di mana sahaja setiap masa. Manakala di Singapura, sikap masyarakat Cina terhadap Islam dan orang Islam tidak begitu signifikan. Secara umum golongan Cina di negara tersebut lebih berminat untuk memberi tumpuan kepada aspek ekonomi dan pendidikan berbanding dengan aspek kepercayaan dan amalan keagamaan. Namun, badan Dakwah dari tiga buah negara berkenaan terus merancang berbagai

aktiviti bagi mempromosikan Islam sebagai satu kepercayaan alternatif bagi masyarakat Cina.

Maka itu, penyelidikan ini cuba menelusuri aktiviti organisasi dakwah yang kini sedang rancak memajukan amal bakti masing-masing ke atas masyarakat Cina di tiga negara serumpun, iaitu Malaysia, Singapura dan Indonseia. Ada kemungkinan metodologi Dakwah kepada masyarakat Cina yang digunakan oleh pendakwah, baik secara individu ataupun pertubuhan, tidak sesuai dan tidak memenuhi cita rasa golongan tersebut. Ataupun Islam yang digambarkan oleh masyarakat Islam di tiga buah negara tersebut dilihat tidak menarik serta tidak istimewa.

1.2 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini dikira penting kerana ia dapat menyimpul dan menganalisis pelbagai tata kaedah dakwah dan pendekatan terkini yang lebih *advance* bagi tujuan menggalakkan proses dakwah Islamiah di kalangan masyarakat Cina khususnya dan masyarakat non Muslim lain pada umumnya. Ini kerana berdakwah merupakan tugas dan kewajipan bagi setiap umat Islam menurut tahap dan kemampuan masing-masing. Ia bertujuan untuk memperkenalkan agama Islam kepada golongan bukan Islam. Adalah menjadi tanggung jawab organisasi dakwah untuk sentiasa memperkenalkan Islam kepada masyarakat non Muslim agar kesyumulan, keuniversalan, dan kerahmatan Islam dapat dirasakan oleh semua umat manusia. Dalam hubungan dengan dakwah kepada masyarakat Cina,

maka sejarah sememangnya telah menunjukkan bahawa agenda dakwah sejak pada zaman Sahabat lagi telah memberi perhatian kepada golongan non-Muslim.

Oleh yang demikian, masyarakat Cina di bumi Melayu ini tidak boleh lagi terasing daripada masyarakat Melayu Islam (bumiputra), kerana mereka sudahpun bersatu dalam aspek-aspek kehidupan lain seperti budaya, politik, ekonomi, pendidikan dan social.

Tanpa penyelidikan seperti ini, adalah sukar bagi gerakan dakwah meningkatkan pengaruh di kalangan masyarakat Cina. Kita masih belum mengetahui secara sebenarnya apakah yang dikehendaki oleh golongan tersebut tentang kehidupan dan amalan keagamaan. Bolehkah Islam menjadi alternatif baru kepada bentuk kepercayaan agama mereka?

Di Malaysia misalnya, sejumlah peruntukan kewangan yang agak besar diberikaan kepada usaha memaju, memantap dan mengembangkan Islam supaya Islam menjadi teras kepada kehidupan masyarakatnya. Namun kesan daripada peruntukan kewangan tersebut terus dipertikaikan oleh banyak pihak. Secara zahir, masyarakat Cina masih terus meminggirkan Islam daripada kehidupan mereka.

Persiytiharan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam menguatkan lagi tuntutan supaya penyelidikan seumpama ini perlu dilakukan segera. Dapatan daripada kajian ini

boleh membantu pihak kerajaan merangka dasar keIslaman negara yang sesuai untuk semua, dan terutamanya yang boleh diterima baik oleh masyarakat Cina. Jika majoriti Cina menajdi Muslim, maka Islam di negara ini menjadi lebih kuat. Begitu juga keadaanya dengan Indonesia dan Singapura. Keturunan Cina dilihat sebagai golongan yang boleh mencorakkan dasar sesebuah negara di rantau ini.

1.3. MATLAMAT DAN OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Matlamat utama penyelidikan ini ialah untuk membuat kajian perbandingan metodologi Dakwah kepada orang Cina yang digunakan oleh tiga buah pertubuhan berasingan dari tiga buah negara.

Selain daripada matlamat tersebut, kajian ini mempunyai beberapa ojektif khusus seperti berikut:

1. Mengenal lebih dekat perkembangan dan aktiviti organisasi dakwah kepada masyarakat Cina yang dilaksanakan oleh tiga buah pertubuhan dakwah dari tiga negara berkenaan.
2. Mengkaji metodologi dakwah yang diguna-pakai oleh tiga pertubuhan tersebut dalam kerja dakwah terhadap masyarakat Cina.

3. Mengenal pasti kejayaan dakwah yang telah dicapai dan mengkaji cabaran-cabaran yang dihadapi dalam amaliah dakwahnya, terutama di penghujung kurun ke20 dan awal kurun ke 21.

4. Membuat satu kajian perbandingan antara organisasi – organisasi dakwah yang berkaitan, dengan mengambil kira suasana sosial , ekonomi, pendidikan dan politik di ketiga-tiga buah negara tersebut.

1.4 SKOP PENYELIDIKAN

Skop penyelidikan ini difokuskan pada tiga organisasi dakwah yang memainkan peranan melaksanakan tugas pendakwaan kepada masyarakat Cina di kawasan masing-masing. Di samping itu ia juga memberi pendedahan keislaman kepada kaum muallaf, termasuk perlindungan dan kesejahteraan sosial mereka.

Ketiga-tiga organisasi dakwah tersebut ialah :

Pertama : Darul Fitrah di Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Kedua : Darul Arqam, Singapura.

Ketiga : Yayasan Ukhuwwah Islamiah (Yayasan Haji Karim Oei) di Jakarta, Indonesia.

Pengkaji mempunyai rasional tersendiri tentang pemilihan ketiga-tiga organisasi dakwah tersebut yang datang dari negara berasingan. Walaupun ketiga-tiga

organisasi tersebut masih berada dalam lingkungan negara serantau (berjiran), ketiga-tiga negara ini mempunyai keunikan tersendiri dan ciri khas yang berlainan. Malaysia misalnya, masyarakat Cina terdiri daripada lebih kurang 20 % dan masyarakat Melayu Muslim pula lebih 50% daripada jumlah penduduk secara keseluruhannya. Namun dalam perlembagaan negara ini Islam dijadikan agama Persekutuan, iaitu agama rasmi negara (Perkara 3 Perlembagaan Malaysia).

Singapura, majoriti penduduknya adalah Cina (70%). Sementara masyarakat Melayu Muslim hanya 16% daripada jumlah keseluruhan penduduk Singapura. Sistem pemerintahannya pula mengamalkan system sekular, iaitu dengan memisahkan urusan keagamaan daripada urusan pentadbiran negara. Oleh itu urusan dakwah Islam dan hal ehwal Islam di Singapura tidak menjadi keutamaan pihak pemerintah negara berkenaan. Masing-masing pemeluk agama bebas mengamalkan ajaran agama masing-masing dan membangunkan agamanya secara persendirian, termasuk pemeluk agama Islam yang majoritinya terdiri daripada masyarakat Melayu.

Di Indonesia, masyarakat Cinanya pula hanya 3%, manakala selebihnya adalah masyarakat bumiputra. Daripada jumlah tersebut, 90% masyarakat bumiputra adalah umat Islam. Tetapi falsafah negaranya adalah berasaskan Pancasila yang mengiktiraf lima agama yang diiktiraf dan dijamin keberadaannya oleh Pemerintahan Indonesia. Pemeluk agama Islam walaupun mereka majoriti, kedudukan dan hak bernegara adalah sama dengan pemeluk agama lain.

Dengan keunikan yang ada di tiga buah negara seperti yang dinyatakan di atas, pengkaji cuba melakukan kajian dari sudut dakwah kepada masyarakat Cina, khususnya metodologi dakwah yang digunapakai, kejayaan dan cabaran yang dihadapi oleh organisasi dakwah yang berkenaan. Selain daripada itu satu kajian perbandingan juga akan dilakukan bagi mendapatkan dapatan terkini berhubung dengan strategi dan metodologi dakwah yang munasabah dalam melaksanakan dakwah kepada masyarakat Cina di negara kita, Malaysia.

Di samping itu, organisasi-organisasi berkenaan mempunyai persamaan dari sudut objek (sasaran) pendakwahannya, iaitu masyarakat Cina. Walaupun Darul Fitrah di Malaysia tidak mengkhususkan aktiviti dakwahnya kepada masyarakat Cina, tetapi program-program dakwah dan ahlinya ramai dari kalangan etnik Cina. Adapun Yayasan Haji Karim Oei di Jakarta, Indonesia sememangnya telah dirangcang utnuk memenuhi panggilan dakwah kepada etnik Cina di Indonesia. Berbeza dengan Darul Arqam di Singapura, tidak mengkhususkan dakwahnya kepada orang Cina, namun sasaran utamanya adalah etnik Cina juga, memandangkan mereka adalah penduduk majoriti di Singapura. Apa yang menarik ialah bahawa ketiga-tiga organisasi berkenaan adalah pertubuhan swasta, bukan ditubuhkan oleh kerajaan dan tidak juga dimiliki oleh kerajaan.

1.5 SOROTAN LITERATUR

Secara umumnya terdapat beberapa buah buku yang membincangkan masyarakat keturunan Cina di Malaysia dan Singapura. Antaranya ialah tulisan J.K.Clammer yang bertajuk “ Straits Chinese Society : Studies in the Sociology of the Baba Communities of Malaysia and Singapore”. Buku ini telah dicetak oleh Singapore University Press, tahun 1980. Buku ini tidak menjadikan aspek keagamaan sebagai isu utama dalam perbincangannya. Maka tentulah aspek metodologi dakwah kepada golongan Cina tidak disebut oleh tulisan ini.

Sementara di Indonesia pula, tulisan Keun Wan-Jang yang bertajuk “ Konversi Agama di kalangan Orang-orang Tionghoa ke Islam di Indonesia” (1984). Buku ini agak baik kerana perbincangannya menyentuh tentang perpindahan kepercayaan agama orang Cina Indonesia kepada agama Islam. Namun aspek metodologi tidak diberi perhatian oleh tulisan ini.

Tulisan lain ialah yang dihasilkan oleh Dan Charls A.Coppel yang bertajuk “ Indonesian Chinese in Cries “ (1983). Buku ini juga tidak menyentuh isu metodologi dakwah dalam perbincangannya.

Osman Chuah (2001) pula telah menulis sebuah buku bertajuk “Chinese Muslims in Malaysia”. Buku ini diterbitkan oleh International Islamic University Malaysia. Tulisan beliau lebih tertumpu kepada isu hubungan golongan etnik Cina yang telah bertukar agama kepada agama Islam di Malaysia. Beliau juga telah

menyentuh isu interaksi antara golongan Cina Muslim dengan Cina bukan Muslim serta dengan kelompok etnik Melayu. Selain daripada itu, tulisan beliau juga menyentuh isu integrasi dan asimilasi golongan Cina Muslim dengan orang Melayu. Beliau juga telah memberi beberapa contoh amalan tradisi masyarakat Cina yang terus diamalkan oleh masyarakat Cina Muslim di negara ini walaupun setelah mereka memeluk agama Islam. Tulisan beliau juga tidak memberi penekanan kepada metodologi dakwah yang digunakan dan tidak juga menyentuh komentar masyarakat Cina Muslim terhadap aktiviti dakwah ke atas golongan mereka.

Cheu Hock-Tong (2000) pula menulis “Confucianism in Chinese Culture”. Tulisan ini langsung tidak menyebut secara spesifik keadaan masyarakat Cina Malaysia yang telah menganut Islam. Tulisan beliau lebih tertumpu kepada unsur-unsur Confucianism dalam kebudayaan orang Cina secara umum. Malahan dalam bab terakhir penulis membincangkan isu berhubung dengan kebudayaan Confucius sebagai tonggak kebudayaan dunia. Tidak ada sentuhan secara spesifik tentang isu dakwah Islamiah dan jauh sekali sentuhan tentang metodologi dakwah yang digunakan dalam kerja dakwah ke atas golongan Cina.

Semua buku di atas, hanya memberi gambaran budaya dan fahaman etnik Cina, dengan perkembangan serta pertembungannya dengan budaya negara China dan budaya tempatan. Kecuali buku Keun-Won-Jang menyentuh sedikit sebanyak persoalan orang Cina masuk Islam di Indonesia, namun tulisannya tidak memberi

fokus kepada metodologi dakwah yang digunakan dalam proses pertukaran agama tersebut.

Oleh yang demikian, literatur seperti dinyatakan di atas dikira sebagai pembuka jalan kepada penyelidik untuk mengkaji lebih lanjut tentang usaha dakwah dan pengislaman etnik Cina di Nusantara, khususnya di tiga buah negeri yang dipilih. Sebenarnya aktiviti dakwah di kalangan masyarakat tersebut telahpun berjalan lama, dan kesannya ramai orang Cina telah menerima hidayah Islam. Tetapi hal ini belum mendapat liputan penyelidikan secara serius terutama aspek yang menyentuh metodologi dakwah.

BAB II

METODOLOGI

Kejayaan sesuatu penyelidikan bergantung kepada metodologi yang digunakan oleh penyelidikanya. Oleh itu, dalam menjalankan penyelidikan ilmiah ini, penyelidik telah menggunakan dua kaedah utama iaitu Kaedah Pengumpulan Data dan Kaedah Analisis Perbandingan. Bagi Kaedah Pengumpulan Data, pengkaji telah menggunakan dua teknik pengumpulan data iaitu Kajian Perpustakaan dan Kajian Lapangan.

- 1- Kajian Perpustakaan. Metode ini digunakan untuk mengumpul bahan dan data bersifat sekunder berhubung dengan kajian, khususnya yang berkaitan dengan organisasi dipilih. Ia dilaksanakan menerusi penelitian terhadap pelbagai media, baik media cetak seperti buku, akhbar dan brosur, atau melalui media internet atau homepage organisasi berkenaan. Dengan menggunakan pendekatan ini pengkaji boleh menelusuri sejarah perkembangan pertubuhan berkenaan dan perkara-perkara yang berhubung dengan carta organisasi, senarai aktiviti, rancangan masa depan, matlamat

penubuhan serta nama-nama orang yang dipertanggung-jawab menguruskan organisasi berkenaan.

- 2- Kajian Lapangan. Metode ini dilaksanakan bagi menpadatkan maklumat dan data bersifat primer tentang kajian. Ia dilaksanakan menerusi dua teknik iaitu temuramah dan observasi. Dalam teknik temuramah, penyelidik telahpun mengunjungi tiga buah organisasi berkenaan dan seterusnya melakukan temuramah dengan individu atau pegawai yang bertanggung-jawab menggerakkan organisasi berkenaan. Selain daripada itu, pengkaji juga melakukan temu bual dengan beberapa orang Cina yang telah memeluk Islam. Para penyelidik telah menyediakan lebih awal isu-isu utama yang perlu disoal dalam temu bual. Namun soalan-soalan tambahan juga ditanyakan terutama apabila penyelidik memperoleh maklumat terbaru yang memerlukan penjelasan lanjut daripada responden. Antara isu yang menjadi soalan temu bual ialah sebab mereka memilih organisasi berkenaan untuk melakukan konversi, sebab mereka memeluk Islam, kehidupan sebelum dan selepas memeluk Islam, sikap pendakwah yang berurusan dengan mereka, teknik yang digunakan oleh pendakwah, persepsi mereka terhadap Islam dan orang Islam pada masa dahulu, kini dan selepas konversi, apa yang mereka inginkan daripada aktiviti dakwah, apakah pendekatan yang paling sesuai untuk menarik minat masyarakat Cina supaya lebih suka dan selesa mendekati agama Islam dan pandangan mereka terhadap organisasi yang pernah membantu mereka menerima Islam. Manakala teknik observasi pula, penyelidik telah mengadakan

lawatan dan pengamatan langsung terhadap organisasi berkenaan. Di setiap lokasi, penyelidik telah memerhati penglibatan masyarakat Cina Islam dalam aktiviti yang dijalankan di lokasi kajian. Ada kalanya pengkaji telah mengambil bahagian/ikut serta dalam kegiatan yang dilakukan seperti sesi perbincangan, ceramah dan sembahyang Jumaat serta sembahyang berjemaah. Pengkaji telah menghabiskan masa yang cukup memadai, iaitu satu minggu bagi setiap organisasi.

- 3- Metode Analisis Perbandingan. Hasil daripada pemerhatian dan penyertaan pengkaji di lokasi kajian serta berdasarkan maklumat sekunder yang diperolehi menerusi kajian perpustakaan, pengkaji melakukan analisis serta perbandingan terhadap dapatan kajian ketiga-tiga buah organisasi berkenaan. Pengkaji cuba melihat secara saksama sejauh mana keunggulan setiap organisasi dalam melaksanakan amanah dakwah. Selain itu, pengkaji juga cuba mengenalpasti pelbagai cabaran dan halangan yang dihadapi oleh organisasi kajian. Analisis perbandingan juga dibuat terhadap pelbagai aspek tujahan setiap organisasi kajian dalam mentarbiyah dan menjaga kebajikan para muallaf di bawah pengawasan masing-masing.

Dengan menggunakan tata kaedah dan teknik di atas, penyelidik telah berjaya merumus pelbagai dapatan yang dianggap relevan dengan tujuan dan matlamat penyelidikan ini dijalankan. Semoga penyelidikan yang lebih

mendalam lagi mengenai perkara dakwah kepada non muslim, khasnya dakwah kepada etnik Cina di rantau ini terus berlanjutan.

BAB III

DAPATAN KAJIAN

A. DARUL FITRAH (MALAYSIA)

Latar Belakang Penubuhan

Penubuhan Persatuan Darul Fitrah bermula daripada usaha yang dilakukan oleh sekumpulan kecil saudara kita dari masyarakat Cina yang selalu menghadiri program yang dianjurkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), iaitu ABIM Islamic Outreach. Program tersebut diadakan setiap minggu pada akhir tahun 1980-an. Kumpulan tersebut berpendapat bahawa mereka memerlukan sebuah persatuan khusus milik mereka bagi membolehkan mereka bergerak lebih selesa dalam bidang dakwah terutama kepada masyarakat mereka sendiri dari keturunan Cina. Ini kerana hasil daripada pengalaman mereka menghadiri program Abim Islamic Outreach mereka mendapati bahawa misi agama Islam tidak dapat disampaikan kepada masyarakat keturunan Cina secara berkesan dan meluas kerana sebilangan besar mereka tidak mempunyai kemahiran berbahasa Inggeris dan bahasa

Melayu yang baik. Oleh itu, dakwah dalam bahasa mandarin atau hokkin perlu diperkenalkan.

Menurut Yang Berbahagia Dato' Sulaiman Hon Abdullah, presiden pertama Darul Fitrah Malaysia bahawa salah seorang yang mencetuskan idea penubuhan Persatuan Darul Fitrah ini ialah saudara Azimullah, iaitu seorang Melayu Singapura yang pada waktu itu sedang bergiat aktif dalam Darul Arqam Singapura. Pertubuhan Darul Arqam, sama seperti Darul Fitrah juga pada asasnya ialah sebuah persatuan yang ditubuhkan oleh saudara baru di Republik Singapura. Langkah penubuhan ini adalah sesuai kerana ia boleh menampung keperluan masyarakat Cina setempat.

Persatuan Darul Fitrah Malaysia telah didaftarkan secara rasmi di Pejabat Pendaftar Pertubuhan pada tahun 1990 sebagai sebuah pertubuhan Islam sukarela. Pada peringkat permulaan, bantuan dalam bentuk nasihat, maklumat, buku rujukan dan sebagainya diberikan oleh Darul Arqam Singapura dan juga oleh beberapa orang individu sama ada dari keturunan Melayu ataupun Cina. Antara individu yang pernah berperanan dalam peringkat awal penubuhan persatuan ini ialah saudara Iskandar Tan Abdullah. Tetapi kemudiannya beliau meninggalkan persatuan tersebut.

Walaupun dengan penubuhan Persatuan Darul Fitrah, idea untuk mendekati masyarakat Cina tempatan tidak begitu berjaya sehingga ke hari ini. Antara puncanya ialah kerana para pengasas awal persatuan ini tidak ada yang fasih

dalam dialek-dialek seperti Hokkien, Kantonis dan Mandarin standard. Pada waktu itu, individu yang fasih dalam dialek-dialek tersebut dan pada masa yang sama mahir atau berpengetahuan Islam adalah sangat kecil bilangannya. Individu yang boleh dihubungi secara mudah serta yang boleh dilibatkan dalam aktiviti persatuan juga sangat terhad bilangannya. Jika adapun, mereka selalunya tidak akan datang secara sukarela kerana pelbagai sebab bersifat peribadi.

Sejak penubuhan hingga kini, Darul Fitrah Malaysia telah mengalami perubahan dan perkembangan. Perubahan ketara yang berlaku ke atas persatuan tersebut ialah dari segi matlamat penubuhannya. Pada masa ini, Darul Fitrah Malaysia telah meluaskan sasarannya dengan tidak hanya membataskan kepada sesuatu kaum atau kumpulan sahaja. Hal ini telah ditegaskan oleh saudara Bakhtiar Rahman, selaku Setiausaha Kerja yang pertama bagi persatuan tersebut. Menurut beliau, persatuan Darul Fitrah Malaysia mempunyai dua objektif utama. Pertama, persatuan ini bertujuan untuk menyebarkan ajaran Islam untuk kebaikan semua. Kedua, menyediakan bimbingan dan bantuan kepada mereka yang telah memilih untuk memeluk agama Islam.

Objektif pertama sebenarnya ialah bertujuan untuk membetulkan tanggapan salah mengenai Islam yang dimiliki oleh individu atau kumpulan tertentu. Matlamat ini dilaksanakan dengan cara meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan tentang Islam dan pada waktu yang sama memperlihatkan

kebaikan agama tersebut terutama pada kaca mata orang bukan Islam. Usaha lain ialah dengan cara mempersembahkan agama Islam sebagai satu cara hidup yang ideal, relevan, toleran, sederhana, mudah dan sesuai untuk semua waktu dan keadaan. Semuanya ini bertujuan untuk memberi kebaikan kepada manusia sejagat.

Berhubung dengan objektif kedua, Darul Fitrah Malaysia mencadangkan supaya diwujudkan satu usaha pengembangan bersifat amali tentang ajaran Islam untuk disaksikan oleh saudara kita yang baru memeluk agama Islam. Dengan cara ini masyarakat Islam sedia ada boleh menyediakan asas ilmu pengetahuan Islam yang kukuh kepada kalangan Cina yang baru memeluk Islam. Selain itu, semangat kekitaan dan hidup bersama dapat diwujudkan terutama apabila mereka disediakan dengan tempat rujukan yang sesuai ketika mana mereka menghadapi masalah. Secara tidak langsung peluang tersebut boleh dimanfaatkan oleh golongan saudara kita bagi mendalami dan menghayati teknik berdakwah yang berkesan kepada masyarakat.

Untuk merealisasikan objektif tersebut, Darul Fitrah Malaysia telah berjaya mendapatkan satu ruang bangunan yang boleh menampung berbagai kemudahan mulai dari 16 September 1990 yang lalu. Ruang tersebut bertempat di Lot 37, Jalan 11/55A, Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur. Ruang tersebut boleh menempatkan sebuah perpustakaan dan pusat maklumat untuk saudara kita yang baru memeluk Islam. Kebanyakan bahan yang ditempatkan di sini ialah bahan bacaan dalam bahasa Inggeris dan beberapa

bahan dalam bahasa Cina. Di samping bahan bacaan, video tape berkaitan dengan perbandiangan agama, bacaan Quran berserta terjemahan dan dokumentari tentang masyarakat islam seluruh dunia juga disediakan.

Selain daripada bahan rujukan berbentuk tulisan dan video tape, pusat Darul Fitrah tersebut juga menganjurkan kelas-kelas fardu ain, seminar tentang agama Islam dan aktiviti penerbitan.

Dalam bidang penerbitan, Darul Fitrah telah berjaya menerbitkan sebuah jurnal yang bertajuk "Bearing Witness". Dengan penerbitan jurnal seumpama ini saudara kita keturunan Cina yang baru memeluk Islam boleh mendapatkan bahan bacaan tambahan tentang Islam selain daripada buku-buku yang lain.

Pejabat Darul Fitrah Malaysia telah terpaksa berpindah beberapa kali terutama dalam tempoh lima tahun pertama operasinya. Misalnya perpindahan dari lokasinya di Taman Setiawangsa ke Kampung Pandan dan kemudiannya ke Seksyen 17, Petaling Jaya. Perpindahan seterusnya ialah ke lokasi sekarang di Seksyen 16, Petaling Jaya, Selangor (Majalah Fitrah 2001: 3-4).

Pengurusan Dan Organisasi

Darul Fitrah Malaysia sejak ditubuhkannya telah dikelola dengan baik melalui system pengurusan dan organisasi semasa. Apath lagi mereka yang berkecimpung dalam organisasi ini adalah mereka yang berpengalaman dan

mempunyai kedudukan tinggi dalam kerajaan di Malaysia. Berikut ini disenaraikan orang-orang yang terlibat dalam kepengurusan Darul Fitrah untuk masa berkhidmat 2001 – 2002 :

Penasihat Kehormat

Tun Daim Zainuddin

Tan Sri Dato' (Dr.) Ahmad Sarji

Tan Sri Dato' Abdul Aziz Zain

Penansihat Tetap

Dr. Amir Farid Dato' Ishak

Dato' Haji Ahmad Nordin Zain

Dr. Osman Chua Abdullah

Presiden

Dato' Haji Yusof Abdullah

Naib Presiden

Dr. Zulkarnain Afero Abdullah

Encik Mahadi Mohd

Saudari Noor Aini Lee Abdullah

Setiausaha

Encik Mansor Kliwon

Penolong Setiausaha

Saudari Ainon Mohamad

Bendahari

Saudari Tengku Normah Tengku Salim

Penolong Bendahari

Saudari Nurul Lee Abdullah

Ahli Jawatankuasa

Tuan Haji Mustapha Mohd Said

Encik Mohd Ridzwan Yap

Encik Mohd Rafiq Mohamad

Encik Mohd Syja' Saedin

Saudari Fadzilah Mohamad

Saudari Noor Liliawaty Wong Abdullah

Saudari Noorshin Abdullah

Saudari Marlina Wong Abadullah

Saudari Atikah Mohd Taib

Saudari Alifah Eliana Yeoh Abdullah

Juru Audit

Saudari Suffiyah Ho

Saudari Isa Bee

Setiausaha Eksekutif

Encik Azman Mohd

Penolong Setiausaha Eksekutif

Encik Haidar Hashim

Adapun pengurusan pejabat Darul Fitrah Malaysia dibuka pada setiap hari sabtu dan minggu, dengan jadual masa sebagai berikut :

9.00 am - 5.00 pm (office)

9.00 am - 10.00 pm (services)

Aktiviti Dan Kerja Dakwah

Aktiviti dan kerja dakwah Darul Fitrah Malaysia sejak ditubuhkannya dapat di senaraikan sebagai berikut :

- a. Mengadakan kelas fardu ain (The KAFA School) di Damansara, iaitu di sekitar Seksyen 16 dan 17 Petaling Jaya.
- b. Menyedia bantuan kepada saudara kita dan masyarakat Islam yang memerlukan keperluan asas tertentu.
- c. Fitrah Family Day

- d. Membantu menyelaraskan program penajaan pelajar di Sekolah Menengah Agama Selisik, Selangor. Pada masa ini seramai 20 orang pelajar sedang menerima bantuan bulanan daripada ahli persatuan Darul Fitrah Malaysia. Usaha masih diteruskan untuk membolehkan penajaan seramai 20 orang lagi pelajar sekolah menengah. Pada tahun lepas (2001) Darul Fitrah telah bersetuju untuk memberi bantuan kepada Maahad Islamiah (swasta) di Sabak Bernam, Selangor.
- e. Mengadakan program melawat pesakit di Hospital berhampiran dengan Darul Fitrah Malaysia.
- f. Fitness Programme
- g. Menganjurkan ceramah umum pada hari cuti umum khususnya hari Ahad.
- h. Mengadakan kelas bahasa Arab dan kelas belajar Muqaddam.
- i. Menganjurkan kegiatan keagamaan pada bulan Ramadan, perjumpaan Hari Raya dan mengadakan majlis makan malam tahunan.
- j. Menerbitkan jurnal.
- k. Fitrah Charity Night.
- l. Menyertai dan berkerjasama dengan badan-badan Islam dan bukan Islam dalam aktiviti yang berkaitan dengan bidang dakwah.
- m. Bekerja sama dengan Saba Islamic Media merealisasikan Projek Pengalihan al-Qur'an al-Karim di Hotel-hotel di seluruh Malaysia.

Di samping aktiviti di atas, Darul Fitrah Malaysia juga mengadakan kegiatan-kegiatan lain seperti penganjuran ceramah khusus dengan menjemput Yusuf Islam menyampaikan ceramah. Kegiatan-kegiatan lain termasuklah mengadakan

kunjungan untuk menjalin hubungan dengan masyarakat Islam di Pulau Ketam, Selangor, menjalin hubungan dengan Darul Arqam Singapura, mengadakan hubungan dengan masyarakat Islam Kemboja, mengadakan lawatan ke negara China, menganjurkan dialog antara agama Buddha, Hindu, Kristian dan Islam yang pernah diadakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, membantu memperluaskan masjid di Damansara Dalam serta menarik lebih ramai pelawat untuk memberi ceramah di Darul Fitrah bagi berkongsi pengalaman.

Sekalipun baru berusia sepuluh tahun, namun kegiatan dakwah yang dijalankan oleh ahli-ahli Darul Fitrah Malaysia adalah sangat membanggakan. Misalnya, penglibatan mereka dalam aktiviti Projek Dakwah ASEAN, iaitu satu kegiatan dakwah yang boleh dianggap unik pada zaman ini. Projek ini adalah satu langkah dan pendekatan yang baru dalam bidang dakwah di kalangan masyarakat ASEAN. Jika program ini dapat diselaraskan dengan baik, sudah tentu ia akan membuahkan hasil yang memuaskan. Masyarakat Islam di rantau ini sepatutnya menggunakan semua kemudahan moden yang dimiliki untuk menjalankan dakwah. Ini kerana kalau kita bandingkan dengan kemudahan yang dimiliki oleh masyarakat Islam di zaman kerajaan Islam Melaka dahulu, kita dapati masyarakat Islam kini memiliki kemudahan yang jauh lebih maju dan lebih baik. Namun masyarakat Islam dahulu telah membuktikan bahawa mereka mampu membuat perhubungan sesama mereka seperti dari Melaka ke Palembang, Aceh, Siak, Champa, Patani dan sebagainya.

BIBLIOGRAFI

- Cheu Hock-Tong. 2000. *Confucianism in Chinese Culture*. Kelana Jaya: Pelanduk Publications (M) Bhd.
- Mely G. Tan. 1998. "A Minority Group Embracing The Majority Religion : The Ethnic Chinese Muslims in Indonesia" (Kertas kerja). *Seminar on Islam and the West Minorities*. Yayasan 2000. Jakarta 14-15 April.
- Osman Chuah Abdullah. 2002. *Preaching to the Non-Muslim Chinese in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Islamic University.
- Osman Chuah Abdullah. 2001. *Chinese Muslims in Malaysia*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Ridzwan Wu. (Ed) 2001. *Reading in Cross-cultural Da'wah*. Singapura : The Muslim Converts' Association of Singapura.
- The Siauw Giap. 1986. *Cina Muslim di Indonesia* Ridwan Sudi (ed). Jakarta: Yayasan Ukhuwah Islamiah.
- Yunus Yahya. 2000. "Ethnic Chinese Assimilation in Indonesia and Islam" : a personal experience". (Kertas kerja). *Symposium on Politics Islamic Movements in the Malay World*. Academic Sinier, Taipei, Taiwan. 6hb Mei.
- Yunus Yahya. 1995. *Muslim Tionghua*. (Cet II) Jakarta : Yayasan H. Karim Oei.
- Yunus Yahya.. 1991. *WNI Beragama Islam*. Jakarta : Yayasan H. Karim Oei.

The Muslim Reader. Magazine of the Darul Arqam Singapura. Vol.18 No.4 Okt-Dis. 2000.

2001. *Fitrah Magazine*. Kuala Lumpur: Darul Fitrah. . vol. 8 Oktober.

2001. *Galaxy* , terbitan Darul Arqam Singapura. Julai-Disember.

2000. *Third Charity Golf Tournament*. Petaling Jaya : Persatuan Darul Fitrah Malaysia. 14 Mei.

2002. *Muslimah Magazine*. Bil 182 Petaling Jaya : Syarikat Prema. Mac

T.t. *Brochure of Darul Arqam Singapura*.

LAMPIRAN



LAMPIRAN

